

12/04/2001

Warga filem hadapi tugas berat ubah kelesuan

Akmal Abdullah

MINGGU lalu, apabila sekali lagi Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad bercakap soal filem tempatan, nyata ia menggambarkan bahawa pemimpin ulung negara juga mengakui kemelut perfileman Melayu sukar dirungkai selagi karyawan dan mereka yang menjadi penggerak industri ini tidak mengubah sikap dan cara bekerja.

Perdana Menteri menegur sikap penerbit dan karyawan yang suka bermusuhan sesama sendiri dan tidak puas hati dengan kejayaan orang lain, selain masing-masing menganggap karyanya adalah sudah baik. Secara ironi, Dr Mahathir berkata: "Semua tukang masak tentu kata masakannya sedap..."

Satu lagi jawapan yang diberi oleh Dr Mahathir bagaikan tamparan kepada warga filem supaya bangkit dari lena untuk melihat industri filem tempatan mencapai kejayaan, sama ada dari segi mutu, pengiktirafan dan kutipan di pawagam.

Jawapan itu ialah: "Kerajaan tidak boleh selesai masalah dalam industri filem, melainkan orang dalam industri ini sendiri..."

Perdana Menteri berkata demikian ketika kunjungannya ke Angkasapuri pada 5 April lalu, selepas majlis pelancaran filem Embun, terbitan Filem Negara Malaysia (FNM) dan Perbadanan Kemajuan Filem Nasional Malaysia (Finas).

Ini bermakna warga filem mempunyai tugas berat untuk mengubah suasana dan kelesuan industri filem Melayu sekarang. Tugas ini sebenarnya tidak berat selagi warga filem kita mempunyai kejujuran dalam mengangkat imej karya seni, berbalik tradisi ilmu, membina kreativiti yang cemerlang serta berusaha menghasilkan yang terbaik dari semasa ke semasa.

Meskipun ada pihak melihat suasana industri filem sekarang semakin baik kerana ada filem mampu mencapai kutipan tinggi, pada masa yang sama, kita masih resah melihat ia belum berjaya. Ini kerana kegemilangan perfileman Malaysia bukan terletak pada kutipan semata-mata. Malahan, sambutan terhadap filem tertentu yang mencapai box-office belum dapat membanggakan kita kerana mutunya masih dipertikai. Kita masih berkonflik dengan filem yang menjadi 'jaguh pawagam tetapi kecundang di gelanggang seni' dan filem yang 'membuka mata orang luar tetapi disisih masyarakat sendiri'.

Sebab itu kita kecewa apabila filem yang gah bagi sekelompok penonton tertentu segan untuk dibawa ke diskusi filem, apresiasi atau mewakili negara.

Kita sudah terdesak dan tertekan hingga menyebabkan Kementerian Penerangan sendiri menerusi agensinya, FNM dan Finas terpaksa menerbitkan filem kerana kita masih kekurangan filem matang.

Jadi, memang betul kata Perdana Menteri, warga filem kita seolah-olah suka bermusuhan antara mereka sendiri dan mereka tidak senang lihat kejayaan orang lain. Ada juga karyawan yang filem mereka tidak laku mengkritik orang lain kerana karya si polan itu mencapai kutipan box-office.

Sekarang kita di alaf baru. Cubalah karyawan dan warga filem berubah sikap. Jangan hanya pentingkan diri sendiri atau kantung sebaliknya terus berjuang untuk menaikkan maruah seni filem bangsa kita. Lihatlah negara jiran yang berjaya menghasilkan banyak karya bermutu, malahan sudah ada yang layak ke Eropah dan Amerika Syarikat.

Selepas E-Village siap kelak pada 2007, apakah kita akan berada dalam suasana ini sedangkan negara sudah memiliki infrastruktur yang cukup baik untuk imej sebuah negara yang berjaya dalam industri filemnya.

Saya juga setuju dengan saranan Perdana Menteri supaya syarikat drama atau filem yang bersaiz kecil bergabung membentuk satu kerjasama modal

dalam usaha menerbitkan filem bermutu. Ia cadangan baik kerana di Hollywood pun, beberapa syarikat kecil bergabung menjadi satu konsortium besar, malahan studio gergasi tidak segan bergabung bagi menghasilkan filem mega seperti mana penerbitan filem hebat, Titanic arahan James Cameron.

Kelemahan paling ketara ialah apabila syarikat besar yang ada modal besar tidak mempunyai kelebihan dari segi kekuatan mutu produksi seperti skrip, pengarah dan tenaga kerja yang berilmu dan kreatif. Syarikat kecil pula ada skrip bagus dan pasukan kerja yang mantap tetapi tidak ada modal. Jadi, kerjasama adalah lebih baik untuk sama-sama mencari hasil terbaik.

Kita menyedari bukan mudah untuk bergerak secara kerjasama, apatah lagi untuk bergabung syarikat. Ini kerana warga filem kita masih selesa bergerak secara individu kerana mahukan hasil untung secara individu. Ini tidak salah tetapi cubalah mencari jalan menghasilkan kerjasama menerusi penerbitan bersama pula.

Grand Brilliance pernah bekerjasama dengan syarikat kecil lain dan ia satu petanda baik dan wajar dicontohi.

Persoalannya, apakah warga filem kita mampu berbuat demikian? Apakah sikap ego, tamak dan perasan kononnya diri sudah bagus mampu diubah untuk melihat perubahan dalam industri filem kita? Melihat kepada sikap mereka yang suka berpuk-puak, hasad dengki, tidak ada perpaduan, saling perli-memperli serta malas, menyebabkan perubahan ini sukar dicapai.

Tiga pihak yang bertindak sebagai badan sokongan untuk industri filem tempatan harus juga bergerak dan memainkan fungsinya berlandaskan keazaman untuk membantu secara jujur.

Mereka yang dalam kelompok pentadbir industri filem sewajarnya memahami dan membuat kajian terhadap kemelut sekarang, sentiasa mencari jalan untuk membantu warga filem serta membina pasukan pelapis yang berilmu dan berbakat besar.

Media massa juga wajar berfungsi sebagai penjana pemikiran dengan mendedahkan bahawa seni filem bukan cuma sekadar hiburan kosong. Filem bukan alat hiburan yang cuma seronok ditonton kerana mahu melihat wajah pelakonnya - siapa hero atau heroinnya. Filem wajar dilihat sebagai seni visual yang menjadi pernyataan pemikiran, jatidiri dan sosial bangsa.

Masyarakat dari semua lapisan usia dan kelas pula harus memberi sokongan kepada industri filem dengan menonton setiap karya baru supaya industri kita semakin subur. Kita cuma bergantung pada kelompok penonton tertentu dan mengakibatkan sokongan tidak meluas.

Dalam industri filem juga harus diwujudkan perkongsian pintar iaitu gabungan tenaga, idea, pelaburan dan kreativiti. Alang-alang hendak berkebun, jangan lupa membawa cangkul!

(END)